

12 DEC 2002

Jamaluddin-Dasar

SUMBER KEWANGAN DASAR PANDANG KE TIMUR DIKAJI

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

TOKYO, 12 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji sumber kewangan alternatif bagi membiayai pelajar-pelajar Malaysia mengikuti pendidikan di bawah program Dasar Pandang Ke Timur, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri.

Beliau berkata, kajian itu perlu dibuat kerana berdasarkan format sekarang, pinjaman yang diterima daripada kerajaan Jepun untuk penghantaran pelajar ke negara itu akan habis digunakan pada 2004.

"Kita akan berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) mengenai perkara ini bagi melihat pendekatan yang sesuai untuk membiayai program ini selepas 2004," katanya kepada Bernama selepas jamuan malam bersama pelajar-pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian di bawah program Dasar Pandang ke Timur di Jepun di sini, malam tadi.

Jamaluddin berada di sini sebagai anggota delegasi Malaysia yang mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatannya ke Jepun.

Dr Mahathir tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari sempena ulangtahun ke-20 Dasar Pandang ke Timur Malaysia-Jepun.

Jamaluddin berkata, kerajaan Jepun telah memberi pinjaman berjumlah RM474 juta pada 1999 bagi membolehkan pelajar-pelajar Malaysia terus dihantar mengikuti pendidikan di negara itu di bawah dasar berkenaan.

Pinjaman itu diberikan ketika Malaysia menghadapi masalah peruntukan untuk meneruskan program itu memandangkan kegawatan ekonomi pada masa itu. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) katanya, menghantar kira-kira 250 pelajar setiap tahun ke Jepun di bawah dasar itu untuk kursus peringkat diploma dan ijazah.

Bilangan itu mewakili kira-kira 25 peratus daripada sejumlah 1,000 pelajar tajaan JPA yang mengikuti pengajian di luar negara setiap tahun.

Sebelum itu ketika menjawab soalan dalam sesi dialog dengan pelajar Malaysia semasa jamuan malam itu, Jamaluddin berkata beliau percaya Dasar Pandang ke Timur akan diteruskan oleh kerajaan kerana ia telah terbukti membawa banyak faedah kepada Malaysia.

Kerajaan komited kepada dasar itu dan JPA sendiri telah digesa menambah bilangan pelajar tajaannya untuk mengikuti pendidikan melalui dasar itu.

"Sebelum sampai 2004, kita akan mengkaji secara menyeluruh dan melihat bagaimana caranya, kalau tidakpun melalui pinjaman, kita perlu mendapatkan tanggungan daripada kerajaan supaya kita dapat meneruskan Dasar Pandang ke Timur ini," katanya.

Jamaluddin berkata, perkara itu bukanlah sesuatu yang tidak pernah dilakukan kerana sebelum mendapat pinjaman daripada Jepun, kerajaan menanggung sendiri penghantaran pelajar ke negara itu menerusi dasar berkenaan. Malaysia bagaimanapun amat bersyukur kerana kerajaan Jepun sanggup membantunya meneruskan program di bawah dasar itu ketika ia menghadapi masalah kegawatan ekonomi.

Penghantaran pelajar di bawah program Dasar Pandang ke Timur oleh JPA turut melibatkan negara Korea Selatan.

Beliau juga percaya Dasar Pandang Ke Timur akan diteruskan, walaupun selepas pertukaran pucuk pimpinan negara.

"Jika ia berfaedah, ia akan diteruskan kerana di negara kita kalau ada sesuatu dasar yang menunjukkan keberkesanannya, jarang sekali kerajaan akan mengugurkan dasar itu," katanya.

Beliau bagaimanapun mengingatkan pelajar-pelajar yang dihantar

mengikuti program pendidikan menerusi dasar itu supaya terus membuktikan bahawa dasar itu adalah amat berfaedah.

-- BERNAMA

AFY MFJ PR